

# **LAPORAN KAJIAN TINDAKAN PENGURUSAN DAN KEPIIMPINAN PENDIDIKAN**

## **TAJUK**

### **MENINGKATKAN PENGHASILAN KAJIAN TINDAKAN DALAM KALANGAN PEMIMPIN SEKOLAH MELALUI PORTAL E- PEMBELAJARAN (eP)**

#### **PENYELIDIK:**

- 1. SULIMAN BIN MELAN**
- 2. MD RAHAIMI BIN RASHID@YAACOB**
- 3. NIK MOHD FAKHRUDDIN BIN NIK HJ AB. RAHMAN**
- 3. MUHD KHAIRILTITOV BIN ZAINUDDIN**
- 4. Dr. JEFFERI IDRIS**

**JABATAN PENYELIDIKAN PENDIDIKAN  
INSTITUT AMINUDDIN BAKI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**2015**

## **Abstrak**

*Kajian tindakan ini dijalankan untuk meningkatkan penghasilan Kajian Tindakan dalam kalangan pemimpin sekolah yang mengikuti kursus Kajian Tindakan Pengurusan dan Kepimpinan melalui e-Pembelajaran. Seramai 16 orang pemimpin sekolah yang terdiri daripada Guru Besar, Guru Penolong Kanan Pentadbiran dan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid terlibat dalam kajian ini. Kursus Kajian Tindakan Pengurusan dan Kepimpinan telah dijalankan pada 11 hingga 13 Mac 2014. Kaedah soal selidik, pemerhatian dan analisis dokumen telah digunakan bagi mendapatkan maklumat tentang penggunaan e-Pembelajaran Kajian Tindakan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan dalam pelaksanaan Kajian Tindakan di sekolah dalam kalangan peserta kursus berkenaan. Kajian ini telah dilaksanakan selama enam bulan. Dua aktiviti e-Pembelajaran dilaksanakan bagi melihat hasil kajian ini. Aktiviti yang dinyatakan berjalan semasa kursus dan diikuti dengan selepas kursus. Semasa kursus taklimat berkaitan e-Pembelajaran, cara memuat naik bahan dan berinteraksi sesama rakan telah diterangkan. Manakala selepas kursus perbincangan antara pensyarah dan peserta kursus dijalankan dalam membantu pelaksanaan Kajian Tindakan di sekolah. Setelah dua bulan kursus berjalan kesemua 16 orang peserta kursus telah menghantar draf Kajian Tindakan untuk disemak oleh penyelidik. Kemudian 13 orang peserta kursus telah menghantar kertas cadangan Kajian Tindakan untuk di semak dan seterusnya hanya 10 orang peserta kursus yang telah menghantar laporan Kajian Tindakan sehingga bulan Ogos 2014. Walaupun tidak kesemua peserta kursus dapat menghantar laporan Kajian Tindakan seperti yang diharapkan, tetapi telah dimaklumi terdapat kekangan yang tidak dapat dielakkan. Oleh itu pendekatan baru perlu dilakukan untuk mempromosi e-Pembelajaran Kajian Tindakan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan dalam kalangan peserta kursus Kajian Tindakan bagi memastikan penulisan Kajian Tindakan dalam kalangan pemimpin sekolah dapat dilaksanakan.*

## **1.0 Refleksi Kajian**

Kajian Tindakan selalunya dikaitkan dengan penyelidikan yang dijalankan dalam konteks pembelajaran dan pengajaran (PdP) di bilik darjah, tetapi dalam konteks masa kini, kajian tindakan juga digunakan untuk memperkuuhkan pengurusan di sekolah. Kejayaan sesuatu usaha pendidikan bukan hanya terhad kepada peranan guru, bahkan pemimpin sekolah dan pihak berkepentingan seperti komuniti pendidikan.

Soon Seng Thah (2011), menyatakan Kajian Tindakan mempunyai dua unsur iaitu “tindakan” dan “kajian”. Oleh itu ia sangat sesuai diaplikasikan dalam konteks pendidikan di mana dua unsur utama ini seringkali dijalankan, iaitu tindakan yang berkaitan dengan proses dan kajian yang memperoleh bukti-bukti empirik yang dapat menyokong sesuatu tindakan yang dijalankan itu. Kajian Tindakan digunakan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pentadbir dan guru di sekolah dan ini boleh membawa perubahan terancang (*planned change*) dan juga hasil atau *outcome* yang dikehendaki.

Dalam situasi hari ini kajian tindakan juga sudah menjadi satu *trend* dalam kalangan penyelidik untuk melaksanakan kajian secara kolaborasi, kerana berlaku percambahan idea, memudahkan kajian dijalankan dan yang paling penting wujud semangat

sepasukan. Kenyataan ini disokong oleh Ferrance (2000), yang menegaskan pentingnya pentadbir sekolah bekerjasama dengan guru-guru dalam melaksanakan Kajian Tindakan. Secara tidak langsung Kajian Tindakan Kolaborasi dapat meningkatkan profesionalisme guru kerana dilakukan dalam persekitaran sekolah dan berkaitan dengan sekolah sama ada berkaitan dengan murid, guru, pengajaran, polisi dan semua aspek penambahbaikan di sekolah.

Jabatan Penyelidikan Pendidikan adalah jabatan yang dipertanggungjawabkan menjalankan kursus Kajian Tindakan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan kepada para pemimpin sekolah yang terdiri daripada Pengetua, Guru Besar dan Guru-Guru Penolong Kanan.Kursus yang telah berjalan sejak 2006, diharapkan dapat melatih para pemimpin sekolah dengan budaya penyelidikan dan seterusnya menyebar luaskan kepada guru-guru di sekolah.

Satu kajian berkaitan dengan ‘Keberkesanan Kursus Kajian Tindakan Pemimpin Sekolah Menengah di Institut Aminuddin Baki’ pada tahun 2011, mendapati Kursus Kajian Tindakan anjuran IAB berkesan dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pemimpin sekolah berkaitan kajian tindakan.Sebahagian dari mereka meneruskan pelaksanaan Kajian Tindakan di sekolah masing-masing tetapi hanya segelintir sahaja dikatakan daripada mereka yang meneruskan Kajian Tindakan, namun begitu hasilnya tidak dapat dibuktikan. Situasi ini benar-benar tidak menyenangkan hati penyelidik kerana dengan kos , tenaga dan sumber yang telah di keluarkan, tetapi hasilnya tidak sepadan dengan apa yang diharapkan. Kursus yang dijalankan selama tiga hari baik di IAB Genting Highlands mahu pun di luar IAB ternyata belum mampu

memupuk minat kalangan pemimpin sekolah menghasilkan Kajian Tindakan. Oleh itu hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang ingin menjadikan Kajian Tindakan sebagai budaya penyelidikan dalam kalangan pemimpin sekolah kurang berjaya.

Alias Putih (2008), menerangkan, berdasarkan kepada dapatan-dapatan penyelidikan, jelas menunjukkan bahawa masih banyak perkara yang perlu dilakukan ke arah membudayakan Kajian Tindakan di peringkat sekolah menengah dan rendah. Kegiatan penyelidikan di peringkat sekolah amatlah sedikit jika dibandingkan di peringkat kebangsaan atau pusat di mana aktiviti penyelidikan hampir dilakukan oleh semua bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia seperti Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Bahagian Perkembangan Kurikulum, Bahagian Pendidikan Guru dan Institut Aminuddin Baki. Para guru sama ada di sekolah menengah atau rendah perlu digerakkan secara berkesan agar kegiatan Kajian Tindakan dapat dijadikan sebagai budaya sekolah.

Menurut Ahmad Rafee,(2011), peserta kursus berpendapat bahawa mereka tidak berpeluang untuk mendapatkan bimbingan lanjutan dan maklum balas selepas tamat berkursus. Dalam beberapa kes, analisis menunjukkan peserta kursus sering tertanya-tanya dan hilang keyakinan untuk melaksanakan perubahan di sekolah masing-masing tanpa bimbingan lanjut daripada pensyarah IAB. Usaha telah dijalankan pada tahun 2012, dimana semua peserta Kursus Kajian Tindakan di Pejabat Pendidikan Daerah Tanah Merah, Kelantan telah lawati semula oleh pensyarah selaku penyelia bagi membimbing aktiviti penyelidikan mereka namun, kekangan masa pensyarah dan kewangan organisasi menyebabkan program berkenaan tidak diteruskan. Bimbingan

yang berterusan masih tidak dapat dijalankan melalui lawatan yang singkat kerana melibatkan bilangan sekolah yang banyak.

Menyedari keadaan tersebut penyelidik berusaha melakukan penambahbaikan bagi membolehkan bimbingan secara berterusan dan tidak bersifat “one-off” dilaksanakan iaitu dengan memperkenalkan e-Pembelajaran (eP) Kajian Tindakan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan. e-Pembelajaran bertujuan untuk membolehkan peserta kursus dapat berhubung secara dalam talian (*on-line*) dengan pensyarah yang terlibat bagi mendapatkan bimbingan dan panduan untuk menjalankan kajian tindakan dari peringkat awal sehingga laporan kajian tindakan dan seterusnya menghasilkan sebuah Kajian Tindakan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan. Kaedah eP ini merupakan satu kreativiti yang sesuai dengan perkembangan dunia teknologi pada masa sekarang.

Oleh itu pada tahun 2013 eP Kajian Tindakan telah diperkenalkan kepada peserta kursus Kajian Tindakan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan di Daerah Segamat, Johor dalam kalangan Guru Penolong Kanan Pentadbiran. Setelah satu minggu kursus dijalankan didapati hanya tiga orang peserta sahaja yang menghubungi penyelidik memaklumkan mereka sedang cuba untuk melaksanakan Kajian Tindakan di sekolah.

Selepas dua minggu, penyelidik mendapat respon dari ketiga-tiga peserta kursus berkenaan seperti dinyatakan di bawah.

### **Jadual 1: Hasil Perbincangan Dalam Talian eP**

Bil	Peserta Kursus	Perkara yang dimuat naik dalam eP
1	GPK 1 (A)	Membincangkan isu untuk disemak oleh pensyarah sama ada sesuai untuk dibuat Kajian Tindakan atau tidak
2	GPK 1 (B)	Menyatakan masih sedang belajar untuk menggunakan eP Kajian Tindakan
3	GPK 1 (C)	Mengemukakan refleksi dan fokus kajian untuk disemak oleh pensyarah.

Penyelidik telah memberi respon kepada ketiga-tiga peserta kursus berkenaan. Namun begitu selepas itu tiada maklum balas daripada ketiga-tiga peserta kursus berkenaan. Keadaan ini benar-benar membuat penyelidik berasa kecewa kerana tidak dapat membantu peserta kursus menjalankan Kajian Tindakan. Penyelidik memhuat andaian bahawa kebanyakan peserta kursus Kajian Tindakan tidak mahir menggunakan eP. Situasi ini dimaklumi oleh penyelidik kerana taklimat tentang eP Kajian Tindakan hanya disampaikan dalam tempoh masa 20 minit sahaja. Oleh itu penjelasan tentang eP Kajian Tindakan perlu diberi lebih masa bukan sahaja sewaktu taklimat awal tetapi juga disepanjang slot kursus Kajian Tindakan.

## **2.0 Fokus Kajian**

Kursus Kajian Tindakan bukan sekadar memberi pengetahuan tentang Kajian Tindakan tetapi juga bagaimana menghasilkan Kajian Tindakan. Oleh itu eP diperkenalkan bagi membantu peserta kursus menjalankan Kajian Tindakan. Untuk itu pengesahan akan dibuat untuk mengetahui tahap pengetahuan peserta kursus tentang eP.

Disamping itu, pendedahan eP perlu diberikan secara berterusan kepada peserta kursus agar mereka dapat mengakses dan menguasai eP dalam setiap aktiviti kursus Kajian Tindakan. Oleh itu bantuan dan bimbingan akan diberikan oleh pensyarah yang terlibat kepada peserta kursus agar dapat meningkatkan penguasaan mereka dalam eP.

Selain itu fokus kajian ini adalah untuk meningkatkan penghasilan Kajian Tindakan secara berjadual melalui eP yang merupakan medium untuk berinteraksi dengan pensyarah yang terlibat untuk membantu peserta kursus menjalankan Kajian Tindakan di sekolah setelah menghadiri kursus di IAB.

Ahmad Rafee (2007) menjelaskan, eP merupakan satu kaedah yang telah digunakan oleh pihak IAB sejak 2006 bagi membantu peserta-peserta kursus berinteraksi dengan pensyarah selepas tamat sesuatu kursus. Tujuannya adalah :

- 2.1 Menyediakan peluang yang lebih luas kepada warga pendidikan untuk mengikut kursus-kursus IAB
- 2.2 Memudahkan pengaliran maklumat antara IAB dengan pelanggan-pelanggan serta pihak berkepentingan (*stakeholders*) IAB
- 2.3 Menyediakan ruang interaksi di antara pelanggan IAB dengan pensyarah-pensyarah IAB melangkaui batasan bilik kuliah dan kampus IAB

2.4 Menyediakan “*on the job training*” kepada pelanggan IAB di mana latihan dan pembelajaran boleh berlaku di tempat kerja

2.5 Menyediakan ‘*on demand support system*’ kepada pelanggan IAB di mana bantuan, latihan dan khidmat nasihat boleh diberikan pada masa yang diperlukan.

Masalah ini jika tidak diatasi segera, akan merugikan kedua-dua pihak iaitu pihak sekolah yang telah diberi pendedahan tetapi tidak dapat meneruskan amalan penyelidikan seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Disamping pihak IAB sebagai pusat latihan dianggap gagal membantu sekolah.

### **3.0 Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk meningkatkan penghasilan Kajian Tindakan dalam kalangan pemimpin sekolah yang mengikuti kursus Kajian Tindakan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan melalui kaedah ‘eP’.

### **4.0 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah :

4.1 Meningkatkan pengetahuan peserta kursus menggunakan eP Kajian Tindakan

4.1 Mengenal pasti penguasaan peserta kursus dalam eP Kajian Tindakan


4.2 Memastikan peserta kursus dapat menghasilkan Kajian Tindakan secara berjadual melalui eP Kajian Tindakan

### **5.0 Soalan Kajian**

Kajian ini akan menjawab soalan kajian berikut :

- 5.1 Bagaimanakah meningkatkan pengetahuan peserta kursus menggunakan eP Kajian Tindakan?
- 5.2 Sejauh manakah penguasaan peserta kursus dalam eP Kajian Tindakan?
- 5.3 Sejauh manakah peserta kursus dapat menghasilkan Kajian Tindakan secara berjadual melalui eP Kajian Tindakan

## 6.0 Kerangka Kajian Tindakan




Rajah 1 : Kerangka Kajian Tindakan e-Pembelajaran

Rajah menunjukkan proses kerangka konseptual eP Kajian Tindakan dijalankan dalam kalangan pemimpin sekolah. Kerangka ini melalui tiga langkah iaitu *input*, proses dan *output*. Merujuk kepada Portal eP untuk kursus Kajian Tindakan, terdapat tiga langkah

yang akan dilalui oleh peserta kursus iaitu, langkah pertama berkaitan pengenalan tentang Kajian Tindakan. Langkah kedua berkaitan kandungan bahan Kajian Tindakan. Langkah ketiga berkaitan aktiviti eP seperti forum, jurnal dan laporan Kajian Tindakan. Seterusnya dalam langkah proses akan diterangkan tentang bagaimana mengakses eP dan pensyarah yang terlibat akan membantu, membimbang dan memantau pelaksanaanya. Terakhir langkah *output* pula diharapkan peserta kursus dapat menghasilkan Kajian Tindakan

## **7.0 Proses Kajian Tindakan**

Bagi melaksanakan tindakan yang telah dicadangkan, penyelidik menggunakan model Kajian Tindakan yang digunakan oleh Kemmis dan Mc Taggart 1988. Kajian Tindakan melibatkan gelung spiral yang bermula daripada proses mereflek, diikuti dengan proses merancang, bertindak dan memerhati. Setiap proses pula mempunyai aktiviti tertentu seperti yang digambarkan dalam rajah di bawah.



Rajah 2: Proses Kajian Tindakan Gelung 1 dan 2 (Kemmis & Mc Taggart, 1988)

Maria Salih (2011), menjelaskan model kajian tindakan *konvensional* atau kajian tindakan amalan adalah berdasarkan kepada Model '*action research cycle*' oleh Kemmis dan Mc Taggart (1988). Model ini mempunyai empat elemen iaitu (i) Refleksi (*reflect*), (ii) Merancang (*plan*), (iii) Bertindak (*action*) dan (iv) Memerhati(*observe*). Proses kajian tindakan konvensional bermula dengan membuat refleksi ke atas satu-satu masalah atau isu yang hendak ditangani. Ini diikuti dengan menyediakan pelan yang sesuai untuk mengatasi masalah atau isu tersebut. Seterusnya melaksanakan pelan yang telah disediakan dan pada masa yang sama memerhati kemajuan tindakan yang dijalankan. Keseluruhan proses ini disifatkan sebagai Gelungan Pertama (*Cycle 1*). Sekiranya masalah atau isu tersebut tidak dapat ditangani, pengkaji akan mengulangi proses semula ke Gelungan Kedua (*Cycle 2*), Gelungan Ketiga (*Cycle 3*)

dan seterusnya sehingga masalah atau isu tersebut diselesaikan. Pada Gelung Kedua, pengkaji harus membuat refleksi dan adaptasi kepada pelan tindakan yang dicadangkan.

Menurut Jeffri (2013) Pada peringkat permulaan ini, refleksi dilakukan dengan tujuan untuk mengenalpasti isu atau masalah yang dirasakan perlu untuk ditangani dan dibuat perubahan atau penambahbaikan. Perkara ini juga dikenali sebagai refleksi untuk tindakan atau *reflection for action*. Pengkaji akan membuat refleksi terhadap amalannya selama ini dengan membuat penilaian sejauh mana ia telah bertindak dengan sepatutnya. Penilaian ini boleh disandarkan kepada pengalaman-pengalaman, nilai dan pegangan pengkaji terhadap amalannya selama ini. Di sinilah akhirnya ia akan dapat mengenal pasti aspek-aspek dalam amalannya yang perlu diperbaiki dan dibuat penambahbaikan.

Setelah pengkaji mengenal pasti isu atau masalah dalam amalannya, perancangan dibuat untuk melaksanakan tindakan atau intervensi. Aspek utama yang perlu diberi perhatian adalah apakah intervensi yang hendak dilakukan dan bagaimana melaksanakannya. Aspek ini termasuklah kaedah dan strategi pelaksanaannya yang merangkumi pelan tindakan, cara mengumpul dan menganalisis data di samping anggaran perbelanjaan.

Seterusnya, pelaksanaan intervensi dilakukan sebagai langkah kedua. Perkara ini dilakukan setelah perancangan rapi dibuat. Pengkaji akan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang menggunakan kaedah atau pendekatan yang telah dikenal

pasti untuk membuat penambahbaikan. Pada peringkat ini juga pengkaji melakukan proses mencari dan mengumpul data sebagai bahan bukti. Refleksi semasa tindakan (*Reflection in action*) dilakukan untuk menilai keberkesanan aktiviti-aktiviti atau program intervensi yang sedang dilaksanakan. Perubahan atau penambahbaikan boleh dilakukan semasa ini sekiranya perlu.

Langkah ketiga ialah membuat pemerhatian. Langkah ini dilakukan untuk mengenal pasti sejauh mana intervensi yang dilaksanakan dapat menyelesaikan isu atau masalah yang telah dikenal pasti. Memperoleh data yang secukupnya adalah penting dalam langkah ini dengan bertujuan untuk membuat keputusan yang tepat bagi tindakan-tindakan selanjutnya. Pengumpulan data yang lengkap akan memudahkan proses menganalisis dan menginterpretasi data. Dengan itu, pengkaji akan dapat membuat keputusan sama ada untuk melakukan proses kitaran berikutnya atau berhenti pada kitaran berkenaan.

Langkah yang terakhir pula ialah membuat refleksi. Pada peringkat refleksi ini, pengkaji membuat penilaian semula terhadap keseluruhan proses pelaksanaan tindakan tersebut..Refleksi atas tindakan (*Reflection on action*) dilakukan untuk menilai keseluruhan langkah-langkah yang telah diambil.Di sini, pengkaji memikirkan semula secara mendalam untuk memahami dan mengenal pasti sejauh mana keseluruhan langkah itu telah dilaksanakan sebaiknya. Pada peringkat ini juga pengkaji boleh membuat keputusan sama ada untuk memulakan semula proses kitaran tersebut dengan membuat penambahbaikan kepada intervensi tersebut.

## **8.0 Kumpulan Sasaran**

Kumpulan sasaran Kajian Tindakan ini adalah terdiri daripada peserta kursus Kajian Tindakan ambilan satu yang bermula pada 11 Mac hingga 13 Mac 2014. Jumlah peserta seramai 16 orang yang terdiri daripada Guru Besar, Guru Penolong Kanan Pentadbiran dan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid yang dijalankan di IAB Genting Highlands.

**Jadual 2: Senarai Kumpulan Sasaran**

Bil	Jawatan	Jenis Sekolah		
		SK	SJKC	SJKT
1	Guru Besar	2		1
2	Penolong Kanan Pentadbiran	9	2	1
3	Penolong Kanan Hal Ehwal Murid	1		
	Jumlah	12	2	2

## **9.0 Metodologi Kajian**

### **9.1 Instrumen Kajian**

- 9.1.1 Instrumen soal selidik kajian ini adalah soal selidik tertutup dan terbuka Tujuannya adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan peserta kursus berkaitan eP dan maklum balas tentang penggunaan eP dalam memhasilkan Kajian Tindakan. Sebanyak lima item soal selidik dikemukakan sebelum kursus dijalankan dan lima item lagi soal selidik diberi selepas kursus.
- 9.1.2 Instrumen Pemerhatian Berstruktur digunakan adalah untuk mengetahui tahap kemahiran dan penglibatan responden dalam eP ketika kursus sedang berjalan. Satu senarai semak (*anecdote*)digunakan ketika proses ini.
- 9.1.3 Instrumen Analisis Dokumen digunakan untuk melihat sejauh mana penglibatan peserta kursus menggunakan eP dalam melaksanakan kajian tindakan. Proses penglibatan ini akan dibahagikan kepada tiga tahap iaitu penglibatan peringkat pertama yang terdiri daripada refleksi kajian, fokus kajian, tujuan kajian, objektif kajian dan soalan kajian. Peringkat kedua pula mengenai kertas cadangan Kajian Tindakan dan peringkat ketiga mengenai laporan Kajian Tindakan.

## 9.2 Kaedah Pengumpulan Data

- 9.2.1 Instrumen soal-selidik di edarkan kepada peserta kursus sebelum dan selepas kursus Kajian Tindakan.
- 9.2.2 Instrumen pemerhatian berstruktur akan disemak oleh penyelidik sendiri ketika kursus berlangsung dimana eP digunakan.

9.2.3 Instrumen Analisis Dokumen pula ditadbirkan secara atas talian. Penyelidik akan menyemak dari masa kesemasa penglibatan peserta dalam eP dalam tiga peringkat yang dinyatakan.

### 9.3 Kaedah Analisis Data

Data akan dianalisis dengan statistik diskriptif untuk menentukan peratus seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah:

**Jadual 3: Kaedah Analisis Data**

Objektif Kajian	Soalan Kajian	Instrumen	Statistik
Meningkatkan pengetahuan peserta kursus menggunakan eP Kajian Tindakan	Bagaimanakah meningkatkan pengetahuan peserta kursus menggunakan eP Kajian Tindakan?	Soal Selidik	Bilangan dan Peratus
Mengenal pasti penguasaan peserta kursus dalam eP	Sejauh manakah penguasaan peserta kursus dalam eP Kajian Tindakan?	Pemerhatian	Bilangan dan Peratus
Memastikan peserta kursus dapat menghasilkan Kajian Tindakan secara berjadual melalui eP	Sejauh manakah peserta kursus menghasilkan Kajian Tindakan secara berjadual melalui eP	Analisis Dokumen	Blangan dan Peratus

Kajian Tindakan	Kajian Tindakan?		
-----------------	------------------	--	--

## 10.0 Tindakan Yang Dijalankan

### 10.1 Tinjauan Masalah

Sebelum sesuatu tindakan dijalankan tinjauan terhadap masalah yang dikenal pasti akan dibuat untuk memahami masalah tersebut. Dalam kajian ini instrumen yang digunakan untuk mengumpul data dan maklumat adalah melalui soal selidik,, pemerhatian dan analisis dokumen. Soal selidik dilaksanakan sebelum kursus bermula dan selepas kursus untuk mengetahui tahap pengrtahanan peseta kursus berkaitan eP. Pemerhatian pula dilaksanakan semasa kursus sedang berjalan untuk mengetahui kemahiran peserta mengakses eP. Manakala analisis dokumen digunakan untuk melihat penglinbatan dan maklum balas peserta dalam ruangan forum dan jurnal yang disediakan dalam eP untuk dianalisis.

### 10.2 Analisis Tinjauan Masalah

#### 10.2.1 Soal Selidik

Hasil soal selidik yang telah diedarkan sebelum kursus kepada peserta kursus ditunjukkan seperti jadual 4 dibawah.

**Jadual 4: Tahap Pengetahuan Tentang e-Pembelajaran**

Item	Respon	
	pernah/tahu/setuju	tidak pernah/tidak tahu/tidak setuju
Pernahkah anda mendengar tentang e-Pembelajaran?	12 (75%)	4 (25%)
Adakah anda tahu tentang	8 (50%)	8 (50%)

e-Pembelajaran?

Pernahkah anda menghadiri kursus yang berkaitan e-Pembelajaran?	3 (19%)	13 (81%)
Pernahkah anda mengakses e-Pembelajaran dalam mana-mana kursus yang anda hadiri?	2 (12%)	14 (88%)
Apakah pandangan anda jika anda didedahkan dengan e-Pembelajaran?	16 (100%)	0 (0%)

Berdasarkan kepada jadual 4 menunjukkan pada item pertama sebanyak 75 peratus responden pernah mendengar tentang e-Pembelajaran, hanya 25 peratus responden tidak pernah mendengar tentang e-Pembelajaran. Manakala item kedua pula menunjukkan sebanyak 50% responden tahu tentang e-Pembelajaran. Item ketiga jelas menunjukkan bahawa sebahagian besar responden tidak pernah menghadiri kursus berkaitan dengan e-Pembelajaran iaitu 81% dan hanya 19% sahaja responden yang pernah menghadiri kursus berkaitan e-Pembelajaran. Selain itu, 88% responden tidak pernah mengakses mana-mana e-Pembelajaran dan hanya sebilangan kecil sahaja iaitu 12% pernah mengakses e-Pembelajaran.

Seterusnya pada item kelima, semua responden bersetuju untuk mendapat pendedahan tentang e-Pembelajaran bagi membimbing mereka menjalankan Kajian Tindakan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan di sekolah

Hasil soal selidik selepas kursus pula diberikan setelah selesai kursus Kajian Tindakan Pengurusan dan Kepimpinan Soal selidik ini dibahagikan kepada dua

bahagian iaitu soal selidik tertutup untuk mendapatkan respon tentang e-Pembelajaran dalam kursus Kajian Tindakan Pengurusan dan Kepimpinan serta soal selidik terbuka untuk mendapatkan maklumat tentang penggunaan e-Pembelajaran setelah kembali ke sekolah.

**Jadual 5: Maklum Balas Selepas Kursus Tentang e-Pembelajaran**

Item	Respon	
	berkesan/membantu/tahu	tidak berkesan/tidak membantu/tidak tahu
Apakah pandangan anda tentang taklimat e-Pembelajaran yang disampaikan oleh pensyarah?	16 (100%)	0 (0%)
Adakah anda tahu dan faham bagaimana untuk mengakses e-Pembelajaran Kajian Tindakan?	15 (94%)	1 (6%)
Apakah pandangan anda tentang e-Pembelajaran dengan kursus Kajian Tindakan ini?	15 (94%)	1 (6%)

Dalam jadual 5 item pertama menunjukkan bahawa 100% responden memberikan respon bahawa taklimat e-Pembelajaran yang disampaikan oleh pensyarah berkesan dalam memberikan kefahaman tentang e-Pembelajaran Kajian Tindakan. Seterusnya dalam item kedua pula 94% responden menyatakan mereka tahu bagaimana untuk mengakses e-Pembelajaran Kajian Tindakan dan hanya enam peratus sahaja yang masih tidak tahu untuk mengakses Kajian Tindakan tersebut. Item ketiga juga didapti 94 peratus responden menyatakan e-Pembelajaran Kajian Tindakan

dapat membantu mereka untuk menghasilkan Kajian Tindakan di sekolah. Hanya enam peratus sahaja yang menyatakan e-Pembelajaran tidak membantu untuk menghasilkan Kajian Tindakan di sekolah.

#### **Jadual 6: Respon Manfaat dan Masalah Penggunaan e-Pembelajaran**

Item	Respon
Bagaimakah anda dapat memanfaatkan e-Pembelajaran untuk menghasilkan Kajian Tindakan di sekolah?	
Berkongsi dengan guru-guru di sekolah	8 (50%)
Menghubungi pensyarah untuk membuat Kajian Tindakan	4 (25%)
Mengatasi masalah menggunakan e-Pembelajaran	4 (25%)
Sejauh manakah masalah yang anda jangka Anda hadapi dalam melaksanakan Kajian Tindakan melalui e-Pembelajaran?	
Tiada masalah	7 (44%)
Masalah internet	3 (19%)
Kesuntukan masa	1 (6%)
Kerjasama dengan guru-guru di sekolah	4 (25%)
Kurang mahir	1 (6%)

#### **10.2.2 Pemerhatian**

Pemerhatian dilakukan mulai dari sesi pengenalan tentang portal IAB dan bagaimana mengakses e-Pembelajaran hingga memuat naik kertas cadangan Kajian Tindakan.

Pemerhatian dijalankan secara berstruktur (catatan anekodal) yang terdiri daripada 10 item untuk disemak dan dipantau

**Jadual 7: Pemerhatian Terhadap Kemahiran Responden Mengakses e-Pembekajaran**

Responden Aktiviti	R 1	R 2	R 3	R 4	R 5	R 6	R 7	R 8	R 9	R 10	R 11	R 12	R 13	R 14	R 15	R 16
mengakses portal e-Pembelajaran	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
mengakses e-Pembelajaran Kajian Tindakan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
mengakses slot Kajian Tindakan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	X	/	/	X	/	/	/
mengakses forum komuniti Kajian Tindakan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	X	/	/	X	/	/	/
mengakses jurnal Kajian Tindakan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
berinteraksi bersama rakan melalui jurnal Kajian Tindakan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	X	/	/	/	/	/	/
berinteraksi bersama pensyarah melalui jurnal Kajian Tindakan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	X	/	/
memuat naik bahan bacaan Kajian Tindakan dalam e-Pembelajaran	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
memuat naik bahan perbengkelan dalam e-Pembelajaran	/	/	/	/	/	/	/	/	/	X	/	/	X	X	/	/
Memuat naik kertas cadangan dalam e-Pembelajaran	/	/	/	/	/	/	/	/	/	X	/	/	X	X	/	/

Merujuk kepada jadual 7, pemerhatian berstruktur telah dijalankan dengan memerhatikan setiap langkah yang yang ditunjukkan dapat diamati, difahami dan

seterusnya responden dapat mengakses e-Pembelajaran secara sistematik seperti yang ditetapkan. Antara langkah-langkah yang di ambil dalam proses ini adalah:

- a. Memberikan taklimat kepada semua responden tentang e-Pembelajaran Kajian Tindakan dengan mengedarkan panduan penggunaan e-Pembelajaran Kajian Tindakan
- b. Menunjukkan cara membuka laman sesawang portal IAB dan seterusnya membuka sesawang portal e-Pembelajaran IAB.
- c. Responden kemudian diminta sentiasa membuka laman sesawang e-Pembelajaran bagi setiap aktiviti atau slot kursus yang dijalankan agar responden sentiasa peka dan tidak lupa.

Dari pemerhatian yang dijalankan berdasarkan sepuluh item berkenaan, didapati responden telah berjaya membuka sesawang e-Pembelajaran Kajian Tindakan dan mengikut setiap langkah yang ditetapkan. Namun begitu terdapat juga responden yang masih keliru atau lupa untuk menggunakan sesawang e-Pembelajaran walaupun telah ditunjukkan beberapa kali langkah yang perlu diambil. Perkara ini dimaklumi oleh penyelidik kerana ada diantara responden yang tidak mahir menggunakan komputer. Namun begitu bimbingan dan tunjuk ajar yang berikan dapat juga responden menggunakan e-Pembelajaran Kajian Tindakan walaupun terpaksa berulang-ulang kali mencubanya.

### 10.2.3 Analisis Dokumen

- Peringkat Pertama (( Refleksi, Fokus, Tujuan, Objektif, Soalan)
- Peringkat Kedua (Kertas Cadangan Kajian Tindakan)
- Peringkat Ketiga (Laporan Kajian Tndakan)

**Jadual 8: Jadual Responden Yang Menghantar Kajian Tindakan Berperingkat Melalui e-Pembelajaran Dalam Tempoh Enam Bulan.**

Tempoh Peringkat	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	JUMLAH
Peringkat Pertama	16 8	16 8					16 16
Peringkat Kedua			16 4	16 6	16 3	16 1	16 13
Peringkat Ketiga				16 2	16 5	16 3	16 10

Berdasarkan jadual 8, pula responden telah diminta untuk menyiapkan Kajian Tindakan apabila kembali ke sekolah. Responden telah diberi tempoh masa selama lima bulan. Dalam tempoh itu responden diminta menyiapkan Kajian Tindakan dan menghantar kepada pensyarah yang terlibat melalui e-Pembelajaran untuk disemak dan perbaiki jika perlu. Dalam tempoh itu juga penyelidik telah menetapkan tiga peringkat penghantaran Kajian TIndakan agar tidak membebankan responden. Peringkat itu

terdiri dari penghantaran draf kertas cadangan iaitu refleksi kajian, fokus kajian, tujuan kajian, objektif kajian dan soalan kajian. Penghantaran peringkat kedua adalah menghantar kertas cadangan Kajian TIndakan dan peringkat ketiga responden diminta menghantar laporan Kajian Tindakan.

Penghantaran peringkat pertama tidak menjadi masalah apabila kesemua responden telah menghantar draf kertas cadangan kepada penyelidik. Namun begitu pada peringkat kedua didapati hanya 13 orang responden sahaja yang menghantar kertas cadangan Kajian TIndakan. Apabila dihubungi responden yang tidak menghantar kertas cadangan, mereka memberi alasan belum siapkan lagi. Manakala penghantaran peringkat ketiga didapati hanya 10 orang responden sahaja yang menghantar laporan Kajian Tindakan mengikut jadual yang ditetapkan. Antara alasan yang diberi oleh responden tidak menghantar Kajian Tindakan yang ditetapkan adalah

- a. Masalah yang dihadapi di sekolah telah dapat diselesaikan oleh itu laporan tidak perlu disiapkan
- b. Responden tidak mempunyai banyak masa untuk menulis kertas cadangan atau laporan Kajian Tindakan kerana kekangan kerja di sekolah.
- c. Melakukan kajian secara sendirian tanpa kerjasama dengan guru-guru di sekolah, menyebabkan kajian tidak dapat diselesaikan.

### 10.3 Tindakan Yang Dijalankan


Untuk melakukan penambahbaik atas penggunaan eP Kajian Tindakan, beberapa tindakan telah dijalankan bagi memastikan peserta kursus Kajian Tindakan benar-benar

memahami dan tahu mengakses eP Kajian Tindakan setelah tamat kursus Kajian Tindakan. Antara tindakan tersebut.




Rajah 3 : Proses e-Pembelajaran Kajian Tindakan

## CARTA ALIRAN PELAKSANAAN AKTIVITI 1



## CARTA ALIRAN PELAKSANAAN AKTIVITI 2



## **11.0 Pelaksanaan Tindakan dan Pemerhatian**

### **11.1 Pelaksanaan Aktiviti 1**

Untuk menyelesaikan masalah yang ada penyelidik telah menjalankan beberapa aktiviti melalui kaedah e-pembelajaran Kajian Tindakan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan. e-Pembelajaran adalah merupakan salah satu komponen yang terdapat di dalam Portal IAB yang membolehkan staf IAB dan peserta kursus yang berdaftar untuk mengakses maklumat berkaitan kursus yang dijalankan di IAB.

Antara langkah-langkah yang dilaksanakan adalah:

- a. Penyelidik telah mendaftarkan peserta kursus di dalam e-Pembelajaran sehari sebelum kursus bermula. Tujuannya adalah untuk membolehkan peserta kursus mengakses e-Pembelajaran IAB.
- b. Bagi memudahkan peserta kursus mengakses e-Pembelajaran ini penyelidik telah memberikan taklimat berkaitan e-Pembelajaran selama 30 minit untuk menerangkan tujuan e-Pembelajaran ini diperkenalkan kepada peserta kursus. Bagi memudahkan kefahaman peserta kursus untuk mengakses e-Pembelajaran ini manual penggunaan e-Pembelajaran telah diedarkan kepada peserta kursus. (Seperti dalam lampiran)
- c. Setelah peserta kursus berjaya membuka laman sesawang e-Pembelajaran IAB, pensyarah seterusnya menunjukkan cara untuk masuk ke laman sesawang e-Pembelajaran Kajian Tindakan dengan mencari kursus Pembangunan

Profesional Berterusan (*Continuous Professional Development Courses*)

kemudian klik dan akan tertera perkataan Kajian Tindakan. Seterusnya klik sekali lagi pada Kajian Tindakan tersebut maka laman sesawang e-Pembelajaran Kajian Tindakan akan tertera.

- d. Sekali lagi pensyarah menerangkan tentang kandungan yang ada dalam laman sesawang e-Pembelajaran Kajian Tindakan. Seterusnya menerangkan pula tentang proses penggunaan e-Pembelajaran Kajian Tindakan. Proses penggunaan e-Pembelajaran digunakan dalam slot tertentu semasa kursus berlangsung selama tiga hari.
- e. Pensyarah membantu dan membimbing peserta kursus untuk memuat naik bahan perbengkelan dalam e-Pembelajaran agar dapat dilihat oleh semua peserta yang lain secara maya. Begitu juga dengan semua bahan kandungan yang terdapat dalam laman sesawang e-Pembelajaran dapat dibuka, dilihat dan dimuat naik oleh peserta kursus.
- f. Jika peserta kursus tidak dapat mengakses e-Pembelajaran Kajian Tindakan tersebut, peserta kursus diminta melihat kembali manual penggunaan e-Pembelajaran disamping dibantu oleh pensyarah. Proses ini akan berlangsung dari masa ke semasa sepanjang kursus untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta kursus menggunakan e-Pembelajaran Kajian Tindakan.

### 11.1.1 Hasil Pemerhatian

Tempoh masa untuk aktiviti ini mengambil masa lebih kurang 30 minit sahaja untuk sesi taklimat kemudian diikuti pada setiap slot yang memerlukan peserta menggunakan e-Pembelajaran maka kebanyakkan mereka berasa gembira kerana suatu pendekatan baru telah diperkenalkan oleh IAB bagi memudahkan mereka untuk berinteraksi. Disamping itu mereka saling berbincang antara sama mereka bagi memantapkan kefahaman mereka tentang penggunaan e-Pembelajaran Kajian Tindakan. Walaupun terdapat tiga orang peserta kursus yang kurang mahir menggunakan computer, tetapi mereka tetap mencuba untuk menguasainya.

### 11.1.2 Hasil Penilaian

Peserta kursus berpuas hati dengan penggunaan e-Pembelajaran Kajian Tindakan. Mereka menyatakan ini adalah perkara baru bagi mereka dan akan banyak membantu melaksanakan Kajian Tindakan di sekolah kerana bahan kandungan yang terdapat dalam e-Pembelajaran Kajian Tindakan boleh dimuat naik dan digunakan di mananya. Malahan mereka boleh berinteraksi antara satu sama lain seperti menggunakan *facebook* dan *whats App*.

## 11.2 Pelaksanaan Aktiviti 2

- a. Proses ini dijalankan setelah tamat kursus Kajian Tindakan, yang bertujuan pensyarah dapat menghubungi dan berinteraksi dengan peserta kursus melalui

forum komuniti di dalam e-Pembelajaran Kajian Tindakan untuk membantu peserta kursus dalam melaksanakan Kajian Tindakan di sekolah.

- b. Proses ini berjalan selama enam bulan mulai bulan Mac hingga bulan Ogos 2014. Dimana pensyarah menyelia peserta kursus dalam talian dengan memberi pandangan atau cadangan tentang kajian yang dilaksanakan di sekolah.
- c. Seterusnya pensyarah menghubungi peserta kursus yang tidak aktif samada melalui email atau talipon untuk mengetahui masalah yang mereka hadapi,
- d. Pensyarah juga memastikan peserta kursus menghubungi sasama rakan melalui forum komuniti untuk berbincang tentang Kajian Tindakan.

#### 11.2.1 Hasil Pemerhatian

Melalui hasil pemerhatian penyelidik mendapati terdapat sedikit kekangan dalam kalangan peserta kursus untuk melaksanakan Kajian Tindakan setelah kembali ke sekolah. Kekangan ini bukannya datang dari masalah penggunaan e-Pembelajaran, tetapi datang dari pihak peserta kursus sendiri antaranya, masalah kekangan masa untuk menulis kertas cadangan atau laporan Kajian Tindakan. Disamping itu tidak mendapat kerjasama dari rakan-rakan guru di sekolah. Ada pula peserta kursus yang tidak mahir menggunakan komputer.

#### 11.2.2 Hasil Penilaian

Di sekolah terdapat banyak isu telah dapat diselesaikan oleh pihak sekolah, namun begitu apabila ingin membuat pendokumentasian telah menjadi masalah dalam

kalangan peserta kursus untuk melaksanakannya. Justeru itu budaya menulis masih menjadi masalah kepada sejumlah para pendidik kita bagi menghasilkan Kajian Tindakan atau apa sahaja bentuk penulisan ilmiah.

## **12.0 Refleksi Akhir**

Berdasarkan dapatan yang diperolehi melalui soal selidik dan pemerhatian dalam aktiviti yang dijalankan penyelidik dapat merumuskan beberapa perkara seperti berikut

12.1 Kursus Kajian Tindakan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan yang dijalankan oleh pihak IAB sangat memberikan faedah kepada pemimpin sekolah. Tempoh masa selama tiga hari dan isi kandungan kursus juga sangat baik dan sesuai.

12.2 e-Pembelajaran Kajian Tindakan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan yang diperkenalkan kepada peserta kursus Kajian Tindakan. Mereka menyatakan mereka mendapat banyak *input* dan bahan di dalam laman sesewang e-Pembelajaran. Malahan mereka juga boleh menggunakan e-Pembelajaran tersebut untuk menjalankan kursus dalaman kepada guru-guru di sekolah.

12.3 Setelah enam bulan kursus Kajian Tindakan ini berlangsung dalam kalangan peserta kursus ambilan pertama sebanyak sebanyak 13 kertas cadangan dan 10 laporan Kajian Tindakan telah terhasil. Dapatan ini membolehkan pihak Jabatan

Penyelidikan mengumpul bahan Kajian Tindakan tersebut yang sebelum ini tiada satu laporan pun dalam simpanan Jabatan Penyelidikan. Apabila penggunaan e-Pembelajaran Kajian Tindakan ini dapat dikembangkan pada tahun-tahun mendatang dijangka lebih banyak laporan Kajian TIndakan akan dapat terhasil dan dikumpulkan.

### **13.0 Cadangan Kajian Seterusnya**

Oleh kerana penggunaan e-Pembelajaran Kajian Tindakan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan dalam kalangan peserta kursus berjaya, maka penyelidik bercadang untuk menggunakan e-Pembelajaran Kajian TIndakan seterusnya. Taklimat dan bimbingan akan diberikan kepada pensyarah-pensyarah yang terlibat secara langsung dengan kursus Kajian TIndakan untuk menggunakan e-Pembelajaran dalam kalangan peserta kursus.

## RUJUKAN

- Ahmad Rafee Che Kassim dan Mazlan Samsudin (2007). *E-Pembelajaran IAB: Inovasi Dalam Pembangunan Kepimpinan Pendidikan*. Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke 14.Genting Highlands. Institut Aminuddin Baki.
- Ahmad Rafee Che Kassim, Lew Yeok Leng dan Hafizi Shafiin (2011) *e-Pembelajaran Dalam Program Latihan Di Institut Aminuddin Baki*.Jurnal Kajian Tindakan: Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan. Institut Aminuddin Baki.
- Alias Putih (2008).*Kajian Tindakan Di Sekolah*.Pure Honey Enterprise.Kedah.
- Ferrance.E (2000).*Action Research*. Northeast and Island Regional Education Laboratory At Brown University (Diakses dari Web: [www.iab.brown.edu](http://www.iab.brown.edu)
- Jeffri bin Idris (2013). *Kajian Tindakan Di Sekolah: Kepentingan, Peranan Dan Strategi Pelaksanaan. Kajian Tindakan. Kepimpinan Pendidikan Amalan dan Teori*.Institut Aminuddin Baki
- Maria Salih (2011). *Kajian Tindakan : Pemangkin Perkembangan Organisasi Pendidikan*. Jurnal Kajian Tindakan : Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan. Institut Aminuddin Baki.
- Md. Rahaimi Rashid dan Zaiton binti Ismail (2011), *Keberkesanan Kursus Kajian Tindakan Pemimpin Sekolah Menengah*. Jabatan Penyelidikan dan Penilaian Institut Aminuddin baki
- Soon Seng Thah (2011). *Kajian Tindakan Dan Pengurusan Sekolah*. Jurnal Kajian Tindakan: Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan. Institut Aminuddin Baki
- .

## LAMPIRAN





# **PANDUAN PENGGUNA**

## **e-PEMBELAJARAN UNTUK**

## **KURSUS CPD**


## **KAJIAN TINDAKAN PENGURUSAN**

## **DAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN**

Laman web portal e-Pembelajaran atau *e-Learning* IAB merupakan salah satu inisiatif untuk memberikan nilai tambah kepada program-program latihan Institut Aminuddin Baki (IAB) Kementerian Pendidikan Malaysia. Tujuan utama laman ini adalah untuk memudahkan pengaliran maklumat dari IAB kepada pelanggan-pelanggan IAB serta menyediakan ruang interaksi antara pelanggan IAB dengan pensyarah-pensyarah IAB melangkaui batasan bilik-bilik kuliah di kampus IAB.

Sila ikuti langkah-langkah di bawah untuk menggunakan kemudahan e-Pembelajaran IAB.


1. Layari portal e-Pembelajaran IAB di URL berikut: <http://epembelajaran.iab.edu.my> atau melalui laman web interaktif dalam Portal Rasmi IAB di URL <http://www.iab.edu.my> (Rajah 1)



Buka Panel: Laman Web SP-Q, SN, PrOD, Kolokum


**Rajah 1: Paparan laman WEB Rasmi IAB dan capaian kepada portal e-Pembelajaran IAB**

2. Anda akan mendapat paparan seperti berikut: (Rajah 2)



Anda belum log masuk. (Log Masuk)  
Bahasa Melayu (ms) ▾

LAMAN UTAMA   NPQEL KHAS   NPQEL 2013   KURSUS CPD   KURSUS DALAMAN (UNTUK PENSYARAH)   COP & PLC @JAB   PANDUAN PENGGUNA   PENGURUSAN PORTAL



Rajah 2: Portal e-Pembelajaran IAB sebelum log masuk (*login*)  
di <http://epembelajaran.iab.edu.my>

3. **Login** dengan menggunakan No. Kad Pengenalan sebagai nama pengguna (*username*) dan “12345678” untuk kata laluan (*password*) yang telah ditetapkan oleh pensyarah dan klik **Login**.
4. Paparan seterusnya adalah seperti berikut: (Rajah 3)



Anda belum log masuk. (Log Masuk)

LAMAN UTAMA NPQEL KHAS NPQEL 2013 KURSUS CPD KURSUS DALAMAN (UNTUK PENSYARAH) COP & PLC @JAB PANDUAN PENGGUNA PENGURUSAN PORTAL



**Rajah 3: Portal e-Pembelajaran selepas log masuk (*login*)**

5. Jika anda menggunakan *drop down menu* sila klik pada Kursus CPD. Kursus anda ialah Kajian TIndakan. (Rajah 4). Klik pada modul berkenaan.



Home KAJIAN TINDAKAN

Logged in user 

**SULIMAN BIN  
MELAN IAB**

Country: Malaysia  
City/town: Genting Highlands  
suliman@iab.edu.my

Navigation 

**PORTAL e-PEMBELAJARAN**  
**INSTITUT AMINUDDIN BAKI, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**  
Mulai Januari, 2013 (Versi 3.0)



SELAMAT DATANG  
Selamat Datang ke Portal ePembelajaran IAB baru 2013.  
Portal e-pembelajaran ini dibangunkan menggunakan aplikasi Moodle 2.3.2+.


Calendar 

◀ October 2014 ▶

Sun	Mon	Tue	Wed	Thu	Fri	Sat
-----	-----	-----	-----	-----	-----	-----


Rajah 4: *Drop Down Menu*

Anda juga boleh melihat senarai kursus yang anda telah didaftarkan dengan mengklik . **My home** atau **My courses** yang ada pada kotak **Navigation.**(Rajah 5)



**Rajah 5: Kotak *Navigation***

6. Pelbagai kemudahan disediakan di laman portal ini untuk membantu anda mendapatkan maklumat serta berinteraksi dengan pensyarah IAB dan rakan-rakan peserta kursus yang lain.(Rajah 6)



SUMMUJUL 3.2 (b)

- ▼ KAJIAN TINDAKAN 1
  - ▶ Participants
  - ▶ Reports
  - ▶ General
  - ▶ PENGENALAN
  - ▶ KONSEP KAJIAN TINDAKAN
  - ▶ REFLEKSI DAN ISU/FOKUS KAJIAN
  - ▶ METODOLOGI PENYELIDIKAN
  - ▶ INTERVENSI KAJIAN TINDAKAN
  - ▶ PENYEDIAAN KERTAS CADANGAN KAJIAN
  - ▶ PENYEDIAAN LAPORAN KAJIAN
  - ▶ PELAKUSAAN KAJIAN TINDAKAN
  - ▶ BAHAN RUJUKAN KURSUS

---

**FORUM e-KOMUNITI KAJIAN TINDAKAN IAB**

**FORUM e-KOMUNITI KAJIAN TINDAKAN**

---

**PENGENALAN**

Kursus Kajian Tindakan ialah satu kursus yang digunakan untuk meningkatkan tahap profesional pemimpin pendidikan. Kursus ini membolehkan pemimpin sekolah memahami konsep kajian tindakan dan melaksanakannya. Melalui Kajian Tindakan, punca sebenar masalah yang berkaitan dengan pengurusan sekolah dapat dikesan, dan seterusnya penyelesaian dapat dirangka dengan tepat. Kajian Tindakan juga menggalakkan perkongsian ilmu dalam kalangan pemimpin pendidikan.

Pada akhir kursus peserta dapat:

1. Memahami konsep Kajian Tindakan
2. Mengenalpasti refleksi dan isu kajian
3. Memahami dan mengenalpasti metodologi Kajian Tindakan
4. Merangka penyediaan kertas cadangan Kajian Tindakan
5. Merangka penyediaan laporan Kajian Tindakan

---

Berikut adalah 2 forum yang disediakan untuk tuan/puan

- 1) berkenaan-kenaan di antara satu sama lain (Salam Perkenalan), dan
- 2) berbincang perkara atau isu-isu yang masih kurang jelas ketika di dalam sesi kuliah (Forum Perbincangan Umum).

<input checked="" type="checkbox"/> Salam Perkenalan	<input checked="" type="checkbox"/>
<input checked="" type="checkbox"/> Jurnal (Catatan) Perkembangan Kajian	<input checked="" type="checkbox"/>

---

**KONSEP KAJIAN TINDAKAN**

<input checked="" type="checkbox"/> KONSEP KAJIAN TINDAKAN	<input checked="" type="checkbox"/>
<input checked="" type="checkbox"/> FORUM PERBINCANGAN	<input checked="" type="checkbox"/>

---

**REFLEKSI DAN ISU/FOKUS KAJIAN**

<input checked="" type="checkbox"/> FORUM PERBINCANGAN REFLEKSI DAN ISU KAJIAN	<input type="checkbox"/>
<input checked="" type="checkbox"/> Refleksi & Isu Kajian	<input checked="" type="checkbox"/>

---

**METODOLOGI PENYELIDIKAN**

<input checked="" type="checkbox"/> Kaedah Pengumpulan dan Penganalisaan Data	<input checked="" type="checkbox"/>
<input checked="" type="checkbox"/> FORUM PERBINCANGAN METODOLOGI PENYELIDIKAN KAJIAN TINDAKAN	<input checked="" type="checkbox"/>

---

**INTERVENSI KAJIAN TINDAKAN**

<input type="checkbox"/> Intervensi Kajian Tindakan	<input type="checkbox"/>
---	--------------------------

**Rajah 6: Aktiviti-Aktiviti Dalam e-Pembelajaran**

7. Jika ini adalah kali pertama anda *login* ke laman ini, sila kemaskini profil diri anda

8. Satu panduan untuk mengemaskini profil anda disediakan pada laman hadapan. Sila baca atau muat turun bahan berkenaan
9. Sila ubah kata laluan anda untuk mengelakkan orang lain daripada menggunakan nama anda. Paduan untuk mengubah kata laluan ada di sediakan
10. Laman WEB portal e-Pembelajaran IAB ini sentiasa dikemaskini dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Oleh itu, paparan-paparan yang ditunjukkan di sini mungkin akan berubah.
11. Untuk memaksimumkan pengalaman anda menggunakan laman ini, jangan teragak-agak untuk mencuba dan meneroka segala kemudahan yang disediakan. Jangan bimbang jika berlaku kesilapan. Anda digalakkan untuk mencuba dan melayari laman ini serta terlibat dalam program-program lain yang turut ditawarkan oleh IAB untuk meningkatkan kemahiran dan ketrampilan anda sebagai pengurus dan pemimpin pendidikan yang berkesan.
12. Sekiranya ada persoalan atau masalah untuk menggunakan laman ini, sila hubungi Jabatan e-Pembelajaran, Pusat Pengurusan Teknologi di alamat **e-mail [elearning@iab.edu.my](mailto:elearning@iab.edu.my)**.

